

**PEMERINTAHAN KERAJAAN BONE ABAD KE-14 SEHINGGA ABAD KE- 19**

***THE REIGN OF BONE KINGDOM, 14TH TO 19TH CENTURY***

**Salina Zainol\***

**Azharuddin Mohamed Dali \*\***

**Mardiana Nordin\*\*\***

**Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya (UM), Malaysia**

**Abstrak**

Artikel ini membincangkan mengenai sejarah pembentukan Kerajaan Bone sejak era terdapatnya tujuh *wanua* (daerah) yang belum disatukan iaitu Ujung, Ta, Ponceng, Tibojong, Tanette ri-attang, Tanette ri-awang dan Macege. Setiap *wanua* tersebut diperintah oleh seorang ketua yang digelar sebagai *ulu anang*. Ketujuh *wanua* tersebut kemudiannya bersetuju disatukan di bawah seorang pemerintah iaitu *Tomanurung ri Matajang* yang digelar sebagai *Arung Pone/Mangkau ri Bone*. Selanjutnya artikel ini menghuraikan tentang kewujudan struktur pemerintahan yang lebih teratur dengan pengenalan beberapa jawatan dan juga institusi yang penting bagi sebuah kerajaan. Infrastruktur pentadbiran yang diwujudkan telah memberi peluang kepada Kerajaan Bone untuk berkembang menjadi sebuah kerajaan yang kuat. Namun demikian, pada abad ke-19, perkembangan kuasa pihak Belanda di Indonesia amnya, dan Sulawesi khususnya telah menyebabkan kejatuhan kerajaan Bone pada tahun 1860 sebagai kerajaan pinjaman (*Leenvorstendom*) atapun jajahan Belanda selepas ianya dikalahkan oleh pihak Belanda. Selepas tahun 1860, pelbagai perubahan telah dilakukan oleh pentadbiran Belanda ke atas struktur pentadbiran Kerajaan Bone serta banyak jawatan baru yang dipegang oleh pentadbir Belanda diwujudkan.

**Kata kunci:** Kerajaan Bone, Pentadbiran, Belanda, Sulawesi, Bugis

**Abstract**

*This article discusses the history of the formation of the Kingdom of Bone since the era of the seven wanuas, namely Ujung, Ta, Ponceng, Tibojong, Tanette ri-attang, Tanette ri-awang and Macege. Each wanua was ruled by a chief who was called ulu anang. The seven wanua then agreed to be united under a ruler, namely Tomanurung ri Matajang who was called Arung Pone/Mangkau ri Bone. This article further describes the existence of a more orderly governance structure with the introduction of several positions and institutions that were important for a kingdom. The administrative infrastructure created had given the Kingdom of Bone the opportunity to grow into a strong Kingdom. However, in the 19th century, during the expansion of Dutch power in Indonesia in general, and Sulawesi in particular has led to the fall of the kingdom of Bone by the Dutch in 1860 as a "loan kingdom" (Leenvorstendom) or Dutch colony after it was defeated by the Dutch. After 1860, various changes were made by the Dutch administration to the administrative structure of the Kingdom of Bone as well as many new positions held by the Dutch administrators were created.*

**Keyword:** Bone Kingdom, Administration, Dutch, Sulawesi, Bugis

### **Pengenalan**

Kerajaan Bone adalah salah sebuah kerajaan Bugis yang terletak di Sulawesi Selatan. Sejarah awal kerajaan ini adalah kabur. Sepertimana kebanyakan kerajaan di Sulawesi Selatan, permulaan sejarah kerajaan Bone bermula dengan tradisi *Tomanurung*. Artikel ini membincangkan asal usul terbentuknya kerajaan Bone sejak era *Tomanurung ri Matajang* sehinggalah pembentukan struktur pemerintahan kerajaan Bone. Pembentukan pelbagai institusi pemerintahan di dalam kerajaan Bone berlaku secara beransur-ansur sejak pemerintahan *Tomanurung ri Matajang*. Perbincangan dipecahkan kepada beberapa sub topik. Perbincangan secara komprehensif turut dilakukan di dalam sub topik tersebut berdasarkan perkembangan awal sehinggalah tahun 1860 apabila berlaku perubahan di dalam struktur pentadbiran kerajaan Bone selepas kerajaan Bone menjadi *vasal* kepada Belanda. Pembentukan jawatan-jawatan pentadbir serta bidang kuasa disebutkan demi memperlihatkan kedudukan mereka di dalam pemerintahan kerajaan Bone. Sumbangan beberapa orang pemerintah kerajaan Bone dalam mengukuhkan pelbagai institusi turut diberikan fokus.

### **Struktur Pemerintahan Kerajaan Bone**

Sejarah awal kerajaan Bone diselubungi dengan misteri. Tiada tarikh yang jelas mengenai pembukaan kerajaan ini. Kerajaan Bone adalah salah sebuah kerajaan Bugis yang terletak di Sulawesi Selatan. Sebelum penubuhan institusi kerajaan oleh *tomanurung*, masyarakat Bone dikatakan berteraskan *anang* atau kaum yang diikat dengan *gaukang* yang sama. Setiap *anang* diperintah oleh seorang ketua yang dikenali sebagai *ulu anang*. Terdapat tujuh *anang* yang menempati *wanua*/daerah iaitu Ujung, Ta, Ponceng, Tibojong, Tanette ri-attang, Tanette ri-awang dan Macege. Peperangan sering berlaku di antara *anang* tersebut terutamanya bertujuan untuk menguasai tanah pertanian dan mempertingkatkan sumber tenaga manusia.<sup>1</sup> Ekoran situasi ini, masyarakat Bone mula mencari-cari seorang pemerintah untuk menjadi kuasa tertinggi bagi mendamaikan semua *anang* tersebut. Ketokohan *Tomanurung ri Matajang* dilihat mampu menyelesaikan masalah antara mereka. Baginda kemudian diterima dan diangkat sebagai Raja Bone yang pertama. Sebelum itu, *Tomanurung ri Matajang* menerima jemputan dan syarat kesemua tujuh orang pemimpin tempatan itu apabila mereka bersetuju untuk taat setia kepada baginda. Bagi masyarakat tempatan di Bone, sumpah setia ataupun perjanjian di antara *Tomanurung* dengan pemimpin tempatan tersebut adalah suci dan tidak boleh dilanggar oleh mana-mana pihak.<sup>2</sup> Sumpah setia tersebut merupakan tanda kepada kemunculan Kerajaan Bone. Hasil daripada persetujuan tersebut, *Tomanurung* pun berpindah dari Matajang ke Watampone. Sejak itu Watampone menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Bone. Watampone terletak empat batu di barat pelabuhan Bajoa dan di timurnya bersempadan dengan daerah Palakka.<sup>3</sup> Pemerintahan *Tomanurung ri Matajang* dipercayai berlaku pada abad ke-14 M iaitu sekitar tahun 1330-1370.<sup>4</sup> Tujuh *wanua* tersebut dianggap sebagai wilayah inti Kerajaan Bone ataupun *Bone proper*. Selanjutnya daerah-daerah berjiran seperti Cina, Barebbo, Arumpone dan Palakka bergabung dan membentuk daerah Bone Tengah.<sup>5</sup>

Perkahwinan di antara *Tomanurung ri Matajang* dengan *Tomunurung Toro* memberikan keturunan kepada raja-raja Bone seterusnya. Tradisi *Tomanurung* yang wujud di Sulawesi Selatan kecuali Wajo merupakan suatu tradisi penting sebagai lambang keabsahan kuasa

keturunan raja yang memerintah di dalam kerajaan-kerajaan tempatan di Sulawesi Selatan termasuklah Kerajaan Bone. Institusi diraja Bone mula disusun sejak pemerintahan *Tomanurung ri Matajang* ini. Bagi membantu pemerintahan baginda, *Tomanurung ri Matajang* telah membentuk sebuah dewan atau hadat yang dikenali sebagai *Ade Pitu*. *Ade Pitu* dianggotai secara warisan oleh *ulu anang* dari kesemua tujuh *anang* yang membentuk daerah inti kepada Kerajaan Bone tadi.

Selanjutnya, *Tomanurung ri Matajang* juga bertanggungjawab mewujudkan suatu sistem pentadbiran yang dikenali sebagai *kawerrang* iaitu suatu bentuk pentadbiran yang bercorak kerjasama antara semua pembesar *wanua*. Pembentukan *kawerrang* ini dapat mengatasi masalah perbalahan yang sering timbul dalam kalangan pemimpin-pemimpin *wanua*. Sistem ini berlangsung sehingga raja Bone ke-9, yang dikenali sebagai La Pattawe Matinroe ri Bettung (1595-1602).<sup>6</sup>

Kerajaan Bone berkembang menjadi sebuah kerajaan yang berpengaruh. Perkembangan tersebut telah mempertingkatkan lagi pengaruh Kerajaan Bone sehingga wilayahnya bertambah luas. Akhirnya terbentuklah Kerajaan Bone yang lebih luas sehingga perlu dibahagikan kepada tiga kategori wilayah iaitu wilayah jajahan, kerajaan-kerajaan sekutu dan *wanua-wanua* yang berkuasa autonomi, mengaku tunduk di bawah pemerintahan langsung raja-raja Bone.<sup>7</sup> Wilayah jajahan dibahagikan kepada dua kategori iaitu *palili passeajingeng* (*lili* kekeluargaan) dan *palili* atau *lili riala bessi* (*lili* atau jajahan yang diperoleh secara peperangan).<sup>8</sup> *Palili passeajingeng* merujuk kepada daerah dan kerajaan vasal yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan raja-raja Bone. Daerah-daerah tersebut adalah Lamuru, Cita, Bonetanga, Ajangala atau Lili ri-aja, Lili ri-lau dan Pitampanua. Ajangala atau Lili ri-aja adalah jajahan di sebelah barat merujuk kepada Pitu Payung Tanre (tujuh payung) iaitu daerah-daerah Mampu, Sailong, Timurung, Amali, Ulaweng, Bengo dan Ponre. Manakala Lili ri-lau iaitu jajahan di sebelah timur pula merujuk kepada daerah-daerah Sibulu, Wawo ulu ri-awang, Talon-limpo ri-awang dan Awang Tangka. Mara, Salangketo dan Tonra juga kemudiannya telah menjadi sebahagian daripada daerah Lili ri-lau.

Semua daerah atau *wanua* ini mempunyai tanggungjawab atau obligasi tersendiri kepada pemerintah Bone. Contohnya menyediakan beras dan bekalan makanan yang lain untuk upacara diraja, membaiki istana raja, menyediakan kelengkapan perang, membina *baruga* untuk upacara diraja dan sebagainya.<sup>9</sup> Raja-raja dari wilayah *palili passeajingeng* bertanggungjawab membayar cukai hasil kepada raja, membantu raja dalam peperangan dengan menyediakan tentera dan kelengkapan perang serta menghantar bekalan makanan untuk pesta diraja.<sup>10</sup> Semua perbelanjaan ditanggung oleh *palili passeajingeng* atau *palili*. Lamuru yang terletak di barat pusat pemerintahan Bone, merupakan wilayah yang terdiri daripada beberapa *wanua*. Lamuru mesti menghantar 1000 ekor binatang perburuan (*hertendinding*) setiap tahun ke Bone untuk pesta diraja.<sup>11</sup> Biar pun raja-raja di *palili passeajingeng* mempunyai kuasa autonomi dalam pemerintahan tetapi mereka tetap wajib menyembah ke Bone setiap tahun apabila dititah oleh Raja Bone. Titah Raja Bone disampaikan melalui penghantaran utusan yang membawa *bila-bila*.

*Palili* atau *lili riala bessi* pula merujuk kepada *wanua* dan kerajaan-kerajaan yang diperolehi oleh kerajaan Bone melalui peperangan.<sup>12</sup> Pada asalnya, pemerintah dari *palili* ini tidak mempunyai ikatan persemendaan dengan Raja-raja Bone. Namun, perkembangan Kerajaan Bone kemudiannya menyebabkan ikatan perkahwinan berlaku antara ahli keluarga Raja-raja Bone dengan keturunan pemerintah-pemerintah *palili* tersebut. Beberapa buah daerah yang

menjadi *palili* Kerajaan Bone ialah Toro, Simi, Matajang, Palengorang, Bakka, Tanette, Panjili, Paroto, Panto-Panto, Ciko, Lemo-apa, Parriepalang, Cinrowali dan Lompoa. Sebagai lambang taat setia, *palili* juga wajib memenuhi beberapa tanggungjawab terhadap Raja Bone. Sepertimana *palili passeajingeng*, wilayah *palili riala bessi* juga mesti memenuhi beberapa obligasi kepada Raja Bone iaitu mereka mesti menyediakan bahan-bahan bagi pembinaan istana diraja. Mereka juga mesti menyediakan kelengkapan kapal dan membina *baruga* untuk upacara diraja.

Di samping *palili riala bessi* dan *palili passeajingeng*, kekuatan Kerajaan Bone juga terletak pada kerjasamanya dengan kerajaan sekutu. Kerajaan sekutu merujuk kepada kerajaan-kerajaan yang menjalin kerjasama dengan Kerajaan Bone. Ikatan yang terjalin dimanifestasikan melalui perjanjian. Salah satu perjanjian atau ikatan persekutuan penting yang pernah termeterai di antara kerajaan Bone dengan sekutunya ialah Perjanjian *Telumpucoee* yang ditandatangani pada tahun 1582. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Raja Bone yang ketujuh, La Tenriwawe dengan pemerintah Soppeng dan Wajo di Kampung Bunne, di daerah Timurung.<sup>13</sup> Raja dari ketiga-tiga kerajaan bersetuju untuk bekerjasama bagi menghadapi perluasan kuasa Kerajaan Gowa. Hubungan dalam kalangan tiga kerajaan tersebut diatur seperti hubungan keluarga yang mana Kerajaan Bone diiktiraf sebagai saudara tua, diikuti oleh Wajo dan seterusnya Kerajaan Soppeng sebagai saudara bongsu. Ikatan ini bukan hanya menunjukkan keharmonian hubungan yang dibentuk seperti keharmonian sebuah keluarga tetapi juga merupakan manifestasi hierarki kuasa dan pengaruh yang wujud dalam kalangan ketiga-tiga kerajaan tersebut. Sebagai saudara tua, Kerajaan Bone dilihat mempunyai kedudukan dan pengaruh yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan Wajo dan Soppeng. Oleh itu, Raja-raja Wajo dan Soppeng lazimnya meminta nasihat Raja Bone apabila berlaku perbalahan politik dan sebagainya di dalam kerajaan masing-masing.<sup>14</sup> Malah Raja Bone juga diangkat menjadi Pangepa Ujung bagi kerajaan Soppeng.<sup>15</sup>

Di bawah konfederasi politik ini, Kerajaan Soppeng telah memberikan bantuan yang tidak berbelah bagi kepada persekutuan Arung Palakka – VOC (Syarikat Hindia Timur Belanda) semasa perang menentang Sultan Hassanuddin dari Kerajaan Gowa pada tahun 1666-1667. Namun, pemerintah Wajo ternyata telah mengubah haluan dengan membantu Sultan Hassanuddin. Tindakan tersebut menyebabkan Arung Palakka dengan bantuan VOC telah menyerang dan memusnahkan pusat pemerintahan Wajo pada tahun 1670. Akhirnya kedudukan Wajo telah berubah daripada status sekutu menjadi *palili* kepada Kerajaan Bone. Kekalahan Wajo memberi implikasi politik yang penting kepada Kerajaan Bone kerana banyak kerajaan kecil di Sulawesi Selatan kemudiannya secara sukarela mengaku ketuanan Kerajaan Bone dengan kesediaan menjadi 'anak' kepada kerajaan Bone. Khususnya semasa pemerintahan Arung Palakka (1672-1696), banyak kerajaan kecil Bugis yang mengaku tunduk di bawah kekuasaan Kerajaan Bone.

Selain mewujudkan kerjasama dalam kalangan *wanua*, Mato Silompoe turut memulakan hubungan dengan daerah-daerah yang berjiran dengan Bone iaitu Palakka, Awangpone, Pattiro dan Cina. Baginda menjadikan perkahwinan sebagai landasan untuk mewujudkan hubungan dengan kerajaan-kerajaan tersebut. Kesemua pembesar tempatan yang berada di dalam *kawerrang* kemudiannya telah membentuk suatu dewan pentadbiran yang dikenali sebagai *Matowa Pitue*. Di samping dewan *Matowa Pitue*, pentadbiran kolektif yang wujud tersebut juga dibantu oleh golongan *bissu*, iaitu kelompok cendekiawan yang mempunyai pengetahuan di dalam bidang kepercayaan. Kelompok pentadbir yang lain ialah *parennung* yang bertindak

menyampaikan keputusan *Matowa Pitue* kepada masyarakat.<sup>16</sup> Perkembangan seterusnya berlaku apabila dewan *Matowa Pitue* telah diubah kepada *Arung Pitu (Ade' Pitue/Ade Pitu)*.<sup>17</sup>

Perluasan kuasa Bone bermula semasa zaman pemerintahan Lasaliyu<sup>18</sup>. Perluasan wilayah berlaku dengan pelbagai cara iaitu melalui penaklukan, pengakuan ketaatan oleh raja-raja yang lebih lemah serta perkahwinan. Palakka menjadi sebahagian daripada wilayah dalam Kerajaan Bone melalui hubungan perkahwinan. Manakala wilayah Palengorang, Anrebiring, Cerowali, Apala, Bakka, Tanette, Attang Salo, Soga, Lampoko, Lemoape, Bulu Parippung dan Lompu pula melalui penaklukan.<sup>19</sup> Kesemua kerajaan kecil tersebut menjadi daerah jajahan atau *palili* kepada Bone. Di samping itu, perkembangan kuasa Bone turut menyebabkan beberapa kerajaan kecil mengaku tunduk secara suka rela iaitu Limmapanua ri-lau, Babauwa, Barebbo, Pattiro, Cinneung, ureng, Pasempa, Kayu, Ponre, Asera, Bate ri Attang Ale, Asera Bate ri Awang Ale.<sup>20</sup>

Limpenno dan Panyula adalah dua buah *wanua*, yang juga bergabung di dalam Kerajaan Bone semasa pemerintahan Lasaliyu. Kedua-dua daerah tersebut kemudiannya telah dijadikan tempat tinggal kepada hamba raja.<sup>21</sup> Cina dan Laliddo pula telah menjadi *palili* Bone selepas ditakluki oleh pemerintah Bone yang keempat iaitu Webenrigau Makkalempé. Manakala era pemerintah Bone yang kelima, La Tenrisuki telah menawan Mampu.<sup>22</sup> Timurung menjadi *palili passeajingeng* Bone pada masa pemerintahan La Tenriwawe, Raja Bone yang ketujuh setelah baginda mengahwini pemerintah Timurung. Pada masa pemerintahan baginda juga, Ajang telah tunduk secara sukarela kepada Bone dan digelar sebagai *anak* kepada kerajaan Bone. Seterusnya, semasa zaman pemerintahan La Tenriwawe, daerah-daerah Awo, Teko, Atassalo-balieng, Tellu limpo dan Gona telah ditakluki. Daerah-daerah tersebut juga menjadi *palili* kepada Kerajaan Bone.

Semasa pemerintahan La Tenriwawe, Bone telah menguasai sebahagian besar wilayah di Sulawesi Selatan setelah berjaya mengalahkan Kerajaan Gowa. Di bawah Perjanjian Caleppa, Gowa telah menyerahkan semua daerah yang terletak di barat Sungai Walannae dan di sebelah utara Uluweng kepada Kerajaan Bone. Di antara daerah yang termasuk di dalam kesemua daerah yang berpindah tangan kepada Kerajaan Bone itu termasuklah Cenrana, iaitu sebuah daerah yang sangat strategik. Sungai Tangka menjadi sempadan yang memisahkan sempadan di antara wilayah kerajaan Bone dan kerajaan Gowa. Kedua-dua pihak bersetuju membahagikan daerah-daerah di sepanjang Sungai Tangka apabila daerah-daerah di utara Sungai Tangka diletakkan di bawah kekuasaan Kerajaan Bone, manakala daerah-daerah di selatan sungai tersebut diletakkan di bawah kekuasaan Gowa.

Namun, haluan sejarah kemudiannya berubah pada pertengahan abad ke-17 apabila Kerajaan Bone telah ditawan dan menjadi *palili* kepada Kerajaan Gowa pada tahun 1643. Kekalahan tersebut menyebabkan Raja Bone, keluarga baginda, *anakarung* dan pembesar-pembesar penting Kerajaan Bone dibawa ke Makassar. Sejak menjadi *palili* Kerajaan Gowa, rakyat Bone menjadi sasaran tindakan kejam Raja Gowa sehingga menyebabkan Arung Palakka La Tenritatta Torisompe bersama-sama dengan kumpulan To' Angke melarikan diri ke Betawi bagi meminta bantuan VOC untuk menghadapi Kerajaan Gowa. VOC dapat merasakan bahawa kesediaan Arung Palakka dan pengikut beliau untuk bersekutu dengan VOC bagi menghadapi Kerajaan Gowa merupakan suatu peluang keemasan. Kerjasama ini amat penting bagi kedua belah pihak demi menghadapi musuh yang sama. Dalam hubungan kerjasama ini kedua-dua

belah pihak menerima hubungan kesetaraan di antara mereka untuk menghadapi Makassar. Akhirnya hasil daripada kerjasama tersebut, persekutuan VOC-Arung Palakka berjaya mengalahkan Kerajaan Gowa. Perjanjian Bungaya telah ditandatangani pada tahun 1667 sebagai penanda kepada kemenangan persekutuan Arung Palakka – VOC. Kebangkitan terakhir Sultan Hasanuddin pada tahun 1669 turut dihancurkan oleh persekutuan Arung Palakka – VOC ini, yang akhirnya menyebabkan Gowa terpaksa menandatangani semula Perjanjian Bungaya 1667. Sejak itu, kerajaan Bone bangkit menjadi sebuah kerajaan yang kuat di Sulawesi Selatan menggantikan Kerajaan Gowa.

Konsep sempadan antara kerajaan amat longgar dalam era pemerintahan kerajaan tradisional di Kepulauan Melayu. Hal ini adalah kerana sempadan di antara kerajaan boleh dan sentiasa berubah seiring dengan pengembangan dan penguncupan kuasa sesebuah kerajaan. Sekiranya sesebuah kerajaan itu kuat, kawasan jajahannya bertambah menyebabkan sempadan kerajaannya turut berubah dan lebih luas. Namun sekiranya kuasa sebuah kerajaan merosot, berlakunya penguncupan wilayah yang dikuasai sehingga menyebabkan sempadan kerajaannya mengecil. Namun begitu, terdapat juga penetapan sempadan yang jelas melibatkan sesuatu tempat atau sungai disebut di dalam perjanjian di antara kerajaan tempatan sebelum kedatangan kuasa Eropah. Lazimnya sungai dijadikan sebagai garis sempadan yang memisahkan di antara wilayah sesebuah kerajaan dengan kerajaan-kerajaan yang berjiran dengannya. Tongchai Winichakul yang menulis kajian bertajuk *Siam Mapped: A History of the Geo-Body of a Nation* telah membincangkan dengan mendalam mengenai perbezaan dan pertentangan konsep sempadan yang difahami oleh Barat dengan kerajaan Siam (Thai) semasa abad ke-19 iaitu era meluasnya pengaruh kuasa Barat di Asia Tenggara. Beliau berpendapat konsep sempadan Asia Tenggara khususnya di Siam sebelum abad ke-19 adalah tidak rigid. Malah terdapat kerajaan kecil yang tunduk kepada beberapa kerajaan yang lebih besar dengan menghantar ufti tetapi masih mengekalkan kedaulatan kerajaannya. Konsep sempadan Melayu pada dasarnya tidak terlalu mementingkan sempadan fizikal tetapi lebih merujuk kepada sempadan yang melibatkan ketaatan dan ketundukan kepada kuasa pemerintah pusat.<sup>23</sup> Konsep sempadan yang sama turut jelas wujud dalam kerajaan-kerajaan tempatan di Sulawesi Selatan.

Bagi Kerajaan Bone pada abad ke-19, secara umumnya sempadan geografi kerajaan ini menganjur dari sempadan Tanah Toraja di utara sehingga ke wilayah Sinjai di selatan. Namun sempadan tersebut kemudiannya berkembang apabila terdapat raja-raja tempatan yang mengaku tunduk kepada Kerajaan Bone. Misalnya pada tahun 1854, Raja Bone, Arung Pugi telah memasukkan wilayah-wilayah yang terletak di pantai timur Sulawesi Selatan ke dalam kekuasaan Kerajaan Bone atas alasan bahawa wilayah-wilayah tersebut pernah tunduk kepada kerajaan Bone pada masa pemerintahan raja sebelumnya. Tindakan baginda telah menimbulkan pertikaian dengan pentadbiran Belanda di Makassar. Selepas kalah dalam Perang Bone Kedua pada tahun 1860, Kerajaan Bone telah kehilangan Sinjai, Bulukumba dan Bantaeng kepada pihak Belanda. Malah pihak Belanda turut mengambil Lamuru yang merupakan *palili passeajingeng* Kerajaan Bone. Namun Lamuru kemudiannya ‘dipulangkan’ kepada Kerajaan Bone sebagai sebuah kerajaan pinjaman (*leenrijk*).

## Raja dan Istana

Institusi diraja Bone dikatakan bermula sejak pemerintahan *Tomanurung ri-Matajang* yang diangkat menjadi raja pertama. Gelaran yang diberikan kepada Raja Bone ialah *Arung Pone*, *Arung Mangkau*, *Petta Mangkau* atau *Mangkau ri- Bone*.<sup>24</sup> Baginda disebut *Arumponne* atau *Arung Pone* yang bermaksud, raja yang bertakhta di pusat Bone.<sup>25</sup>

Sebagai raja, *Arumponne* memainkan peranan yang amat penting di dalam kerajaan. Baginda menjadi pusat segala perhatian dan harapan rakyat.<sup>26</sup> Menurut Mattulada,<sup>27</sup>

... raja adalah inti negara. Pada raja lah terletak tumpuan rakyat. Untuk rakyat lah ia diadakan dan dari rakyat ia hidup. Seorang raja dipandang pertama-tama sebagai manusia biasa, yang diberi tempat yang mulia di samping manusia lainnya. Karena tempatnya yang mulia itu, dari dirinya diharapkan kesanggupan membawakan diri sebagai orang terbaik di antara manusia lainnya. Jika ia tidak mampu, rakyat dapat meninggalkannya atau menurunkannya dari tahta [takhta].

Raja mempunyai ikatan kuat dengan sirri' kerajaan atau negara kerana,<sup>28</sup>

Raja dipandang sebagai *sirri* 'nya Negara, dengan perkataan lain ia dipersonifikasikan sebagai martabat dan harga diri Negara, sehingga dipandang dari sudut ini, kesetiaan rakyat kepada negaranya dipantulkan kepada kesetiaan mengabdikan kepada rajanya. *Siri* ' bagi mereka adalah segala-galanya dalam hidup ini, sehingga apa pun diminta raja dalam batas-batas *panggaderreng* akan diberikannya dengan segala keikhlasannya.

Pemilihan *Arumponne* dilakukan oleh Dewan Hadat yang diketuai oleh *Tomarilalang*.<sup>29</sup> *Arumponne* mempunyai kuasa prerogatif dalam aspek pemerintahan dan keagamaan tetapi baginda bukanlah raja yang berkuasa mutlak sepenuhnya. Semua perkara yang berkaitan dengan pemerintahan kerajaan sama ada hal ehwal dalaman kerajaan mahupun hubungan luar harus dibincangkan dengan *Tomarilalang* dan Dewan Hadat. Namun sekiranya berlaku perpecahan di dalam dewan tersebut, raja mempunyai kuasa penentu.<sup>30</sup> Semasa pemerintahan Arung Palakka La Tenritatta Torisompe (1672-1696) dan beberapa orang raja Bone yang lain iaitu Arung Data (1823-1835), Arung Pugi (1845-1857), Bessse Kajuara (1857-1860) and La Pawawooi (1896-1905), Dewan Hadat menjadi lemah sehingga tidak dapat mengawal keputusan raja. Perkembangan pengaruh raja bukan saja disebabkan kekuatan personaliti mereka tetapi juga dipengaruhi oleh individu-individu tertentu di dalam pentadbiran. Ini adalah kerana ikatan kekeluargaan amat penting di dalam persekitaran politik dan sosial kerajaan Bone. Lazimnya raja-raja yang memerintah mempercayai saudara mara sebagai penasihat mereka ataupun memegang jawatan pentadbiran. Di istana mahupun dalam lingkungan pemerintahan yang lebih luas, raja yang memerintah bukan hanya didampingi oleh ahli keluarga nuklear mereka tetapi juga keluarga besar yang turut terdiri daripada keluarga yang terbentuk daripada perkahwinan atau persemendaan seperti mertua, ipar duai dan sebagainya. Oleh itu, kadangkala raja yang memerintah turut dipengaruhi oleh individu-individu tersebut.

Permaisuri atau isteri raja daripada keturunan gahara digelar sebagai *Arung Makkunrai*. Anak-anak raja daripada keturunan gahara digelar *Ana'-ana' Matola* (Putera/Puteri Mahkota). Manakala gundik raja ataupun isteri yang bukan berketurunan gahara digelar *To-Rilaong* dan anak-anak raja daripada isteri sedemikian dikenali sebagai *Ana'-ana' Cera*.<sup>31</sup> Keluarga raja mempunyai kedudukan dan lingkungan tersendiri yang disebut *sao-raja*. Di samping keluarga raja, lingkungan *sao-raja* juga terdiri daripada beberapa kelas *anak arung/anakarung* atau bangsawan yang berkhidmat untuk raja di istana serta petugas-petugas khusus yang bukan berketurunan bangsawan.

Dewan Hadat Bone<sup>32</sup> merupakan dewan yang terbentuk sejak pemerintahan *Tomanurung ri Matajang*. Terdapat tujuh anggota dewan ini yang mewakili tujuh buah *wanua* asal yang membentuk Kerajaan Bone. Keanggotaan di dalam dewan ini hanya disandang oleh keturunan *Arung* di ketujuh-tujuh *wanua* tersebut. Pada awal pembentukannya, dewan ini hanya berperanan sebagai penasihat raja di dalam hal ehwal pemerintahan. Namun perkembangan selanjutnya telah mengubah fungsi dewan ini daripada badan penasihat raja kepada badan yang menentukan pemilihan raja. Perubahan fungsi dewan ini berikutan sering berlaku perebutan kuasa dalam kalangan waris takhta Kerajaan Bone. Hal ini adalah kerana dalam pemerintahan Kerajaan Bone, walaupun hak perwarisan takhta lazimnya diturunkan daripada bapa kepada anak, tetapi semua anak raja yang mempunyai darah gahara daripada keturunan asal raja-raja Bone layak mewarisi takhta. Oleh itu, hanya Dewan Hadat yang mempunyai kuasa untuk menentukan pengganti raja. Di samping keturunan dan sokongan daripada Dewan Hadat, pengganti raja juga ditentukan dengan kehadiran baginda semasa upacara pengebumian raja yang mangkat. Apa yang menarik, di dalam sejarah Kerajaan Bone, didapati waris lelaki dan perempuan mempunyai peluang yang sama untuk menaiki takhta. Namun, hanya *anak matola* atau anak raja yang berdarah murni diraja sahaja yang boleh ditabalkan menjadi raja.<sup>33</sup> *Anak matola* lahir daripada perkahwinan di antara Raja Bone dengan wanita daripada keturunan diraja yang tertinggi dalam stratifikasi kebangsawanan Bugis. Di samping itu, pemilihan calon tersebut mestilah dipersetujui oleh semua anggota Dewan Hadat. Calon yang dipilih kemudiannya ditabalkan secara adat dengan kehadiran semua alat kebesaran kerajaan. Alat kebesaran dalam kerajaan Bone dikenali sebagai *kalompoang*. Seseorang raja tidak boleh ditabalkan tanpa alat kebesaran atau regalia kerana tanpa alat kebesaran tersebut pertabalan tersebut raja yang ditabalkan dianggap tiada kuasa yang sah.

Institusi istana Bone turut terdiri daripada golongan anak-anak bangsawan (*anak arung*). *Anakarung Rangeng Riale* merupakan kelompok anak-anak bangsawan dan juga putera dan puteri raja-raja *palili* Kerajaan Bone. Mereka dibahagikan mengikut kelompok masing-masing berdasarkan jenis pekerjaan yang mereka lakukan. *Anakarung oroane* merupakan anak-anak bangsawan lelaki yang bertugas sebagai pengawal istana dan pengiring raja semasa raja melakukan lawatan keluar. *Pakkeda* ataupun *Makkadangnge-Tanah/Makedang Tanah* merupakan jawatan tertinggi dalam kalangan *anakarung oroane*. Beliau merupakan *anak arung* yang dipandang paling tinggi. *Makedang Tanah* ini jawatan yang paling dekat dengan raja di istana.<sup>34</sup> Pelantikan *Makedang Tanah* adalah prerogatif Raja Bone. Bagi mengimbangi kuasa *Tomarilalang* yang boleh menjadi lebih berkuasa daripada raja, jawatan *Makedang Tanah* lazimnya dipilih daripada ahli keluarga yang paling dipercayai oleh raja. *Makedang Tanah* bertanggungjawab mentadbir hal ehwal di dalam istana raja. Beliau juga bertanggungjawab



menjaga putera-puteri raja dan memberikan pendidikan yang sesuai untuk mereka terutamanya yang berkaitan dengan etiket diraja, adat dan budaya serta latihan seni mempertahankan diri bagi putera-puteri raja. Tulisan-tulisan berkaitan adat budaya Bugis atau *pangendereng* sering dibacakan kepada putera-puteri raja bagi membentuk peribadi kebangsawanan mereka seperti yang sepatutnya.

Dalam keadaan tertentu dan dengan persetujuan Raja Bone, *Makedang Tanah* juga boleh dihantar sebagai wakil diraja ke wilayah-wilayah *palili*.<sup>35</sup> Jawatan ini telah diwujudkan semasa era pemerintahan Raja Bone yang ketiga iaitu Lasaliyu Kerampeluwa. Baginda telah melantik sepupu baginda, To Sawalakka sebagai *Makedang Tanah* yang pertama.<sup>36</sup> *Makedang Tanah* tidak menjadi anggota di dalam Dewan Hadat. Beliau memainkan peranan penting sebagai penghubung di antara raja dengan anggota Dewan Hadat.<sup>37</sup> Beliau turut memainkan peranan sebagai orang tengah sekiranya berlaku perbalahan di antara pelbagai kelompok dalam kalangan pegawai istana. Oleh itu jawatan ini merupakan satu jawatan yang amat penting di dalam Kerajaan Bone, biarpun ianya tidak berkaitan secara langsung dengan pentadbiran kerajaan seperti anggota Dewan Hadat. Namun demikian, kepentingan jawatan ini mula merosot terutamanya pada 1830-an apabila Arung Sinri menjadi *Tomarilalang* Kerajaan Bone. Pada masa tersebut beliau merupakan pembesar yang sangat berpengaruh di istana Kerajaan Bone sehinggalah beliau disingkirkan oleh Raja Bone, Arung Pugi pada tahun 1847.

Selain *anakarung oroane*, kelas *anak arung* turut dibahagikan kepada *Pakkalawing- Epu'* iaitu *anak arung* yang bertugas membawa puan (tempat sirih raja) dan *Paseppi' Tudang* iaitu kelompok *anak arung* yang bertugas menemani raja ketika raja dihadap oleh para pembesar kerajaan atau tetamu kerajaan. *Anak arung* menghabiskan sebahagian daripada masa muda mereka di istana Kerajaan Bone di mana mereka diajarkan pelbagai etiket sebagai putera raja dan bangsawan selain seni mempertahankan diri serta pendidikan lain. Mereka juga diajarkan tata cara sebagai pengiring raja. Ketua bagi *anak arung* lelaki ialah *anreguru*<sup>38</sup> yang merupakan ketua kepada *anak-anak arung* menurut tugas dan bidang kuasa *anak-anak arung* tersebut.

Manakala ketua bagi puteri-puteri raja dikenali sebagai *anreguru anak arung makkunrai*<sup>39</sup>. *Anreguru anak arung makkunrai* mengetuai petugas-petugas istana yang khusus seperti *nyumpareng* iaitu pengasuh dan penyusu Putera/Puteri Mahkota, *pangolo* iaitu pelayan raja semasa raja bersantap serta *pattumaning* iaitu dayang-dayang dan biti perwara.

Setelah selesai menjalani latihan tersebut, sebahagian daripada mereka dihantar kembali ke wilayah masing-masing, manakala sebahagian yang dipercayai oleh Raja Bone dipilih menjadi pengiring raja dengan pelbagai tugas. Seperti yang dinyatakan di atas, mereka mengiringi raja semasa lawatan diraja dan juga menjaga keselamatan dalam istana. Manakala sebahagian *anak arung* turut bertanggungjawab menjaga keselamatan raja semasa lawatan diraja ke daerah-daerah jajahan. *Anak arung* juga bertanggungjawab menjaga keselamatan anak-anak raja. Peranan *anak arung* ini hampir sama dengan peranan *panakawan* dalam tradisi Jawa yang mana anak-anak pembesar atau raja-raja dari wilayah jajahan menjadi pengiring kepada putera-puteri raja yang memerintah. Segala perbelanjaan dan keperluan hidup *anak arung* ditanggung oleh raja. Mereka bertanggungjawab langsung kepada Raja Bone. Dewan Hadat atau pun pembesar lain tidak mempunyai pengaruh ke atas *anak arung*. Sekiranya terdapat rungutan atau rasa tidak puas hati dalam kalangan pembesar terhadap *anak arung*, perkara tersebut

dibincangkan di antara raja dan *anreguru*. *Anreguru* lazimnya dipilih daripada *anak arung* yang paling berpengalaman dan paling dipercayai oleh raja.

Pemilihan *anak arung* juga adalah hak prerogatif raja.<sup>40</sup> Oleh itu *anak arung* berperanan sebagai asas kekuatan raja sekiranya raja menghadapi ancaman terutamanya ancaman dalaman yang melibatkan ahli keluarga raja mahupun pembesar kerajaan. Malah hubungan yang rapat di antara raja dengan *anak arung* membolehkan raja melakukan proses indoktrinasi terhadap *anak arung*. *Sirri' anak arung* dianggap kedua tertinggi setelah *sirri'* raja sendiri.<sup>41</sup> Oleh itu mereka mesti memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja dan menjaga raja dan keluarga baginda dengan sepenuh hati. Hukuman bunuh dikenakan ke atas mereka sekiranya mereka melakukan kesalahan besar misalnya mempunyai hubungan sulit dengan isteri raja. Darjat mereka juga diturunkan kepada hamba sekiranya mereka melarikan diri daripada tugas yang diberikan oleh pihak istana. *Anak arung* tinggal di dalam tempat tinggal khusus yang disediakan kepada mereka di perkarangan istana raja.

*Anak riboko* adalah satu kelompok putera-puteri raja di dalam istana Kerajaan Bone. Mereka terdiri daripada putera-puteri berketurunan bangsawan rendah atau pemerintah dari *palili* yang mempunyai darah kebangsawanan yang lebih rendah. Mereka juga sering mengiringi raja dalam lawatan diraja. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang menjadi pembawa tempat sirih raja. Bagi tugas harian, mereka mengawal keselamatan istana.<sup>42</sup> Mereka turut bertanggungjawab menjaga keselamatan raja daripada segala ancaman. Mereka menyelia tugas-tugas yang melibatkan hamba sahaya di istana. Di samping itu mereka bertanggungjawab menyelia tugas-tugas pembaikan istana atau *lalebata*. *Anak riboko* juga memainkan peranan penting mengendalikan hubungan baik dalam kalangan pentadbir-pentadbir wilayah bagi menjamin perpaduan dalam Kerajaan Bone. *Anak riboko* menjadi penghubung di antara raja dengan rakyat biasa atau pun kelas pentadbir daerah yang lebih rendah darjah kebangsawanannya.

Seterusnya, *Jowa* atau *Juak* adalah kelompok pengawal diraja daripada golongan rakyat biasa. Mereka adalah pengawal yang menjaga keselamatan istana di bahagian luar. Ketua mereka dikenali sebagai *Panghulu Jowa*. Menurut Matthes *Panghulu Jowa* adalah seperti tentera atau pegawai polis. *Panghulu Jowa* bukan hanya menjaga keselamatan di istana tetapi juga diletakkan di pelabuhan untuk menjaga keselamatan di pelabuhan. Oleh kerana fungsinya yang penting, *Panghulu Jowa* dianggap oleh masyarakat Bone sebagai tulang belakang kepada Raja Bone yang memerintah dan *jowa* pula dianggap sebagai 'tulang sum-sum' dalam Kerajaan Bone.<sup>43</sup> *Jowa* menerima arahan dari raja melalui *anak riboko*. Bagi pekerja wanita istana pula dikenali sebagai *pattumaning*. *Pattumaning* dipecahkan lagi kepada beberapa pecahan yang lebih kecil dan rendah kedudukannya mengikut tugas masing-masing seperti *pattrobili*, *pakkedde* dan *pangolo*.<sup>44</sup> *Jowa* dan *pattumaning* amnya tidak dibenarkan masuk ke dalam istana.

Satu lagi jawatan yang penting iaitu *pantjennangeng*. *Pantjennangeng* dilantik daripada keturunan darah raja dan golongan pembesar untuk menguruskan perbendaharaan diraja termasuklah hal ehwal yang berkaitan dengan cukai yang dikutip. Kelas pembesar ini juga dipilih dalam kalangan keluarga yang mempunyai darah kebangsawanan yang tinggi. Lazimnya raja Bone yang memerintah melantik adik-beradik atau saudara baginda yang amat dipercayai bagi memegang jawatan ini. *Pantjennangeng* diketuai oleh *pantjennangeng-cilaong*. Menurut Matthes, jawatan ini merupakan antara jawatan awal yang telah diwujudkan di dalam Kerajaan

Bone oleh Mata Silompoe. Jawatan *pantjennangeng* ini diwarisi secara turun temurun. Golongan pembesar ini diberi tanggungjawab oleh Raja Bone untuk mengutip hasil bagi raja seperti beras, garam, cuka, sirih, pinang buah kemiri dan lain-lain.<sup>45</sup> *Sabannara* atau *shahbandara* bertanggungjawab kepada *pantjennangeng*. *Sabannara* menjalankan tugas mengutip cukai daripada kapal yang berlabuh di pelabuhan termasuklah *soesoeng-lopi* atau cukai yang mesti dibayar oleh pemilik kapal, labuhan batu iaitu cukai berlabuh dan beberapa jenis cukai lain.<sup>46</sup>

Kelas yang terakhir dalam kalangan kakitangan istana raja ialah hamba. Hamba dikenali sebagai *ata*. Mereka lazimnya menjalankan tugas dalam pekerjaan yang lebih kasar. Pada masa peperangan, mereka turut berfungsi sebagai tentera dalam angkatan perang. Sebahagian hamba dalam Kerajaan Bone terdiri daripada mereka yang diperoleh melalui perdagangan hamba. Perdagangan hamba merupakan salah satu aktiviti yang penting di Sulawesi. Mereka dibawa dari pulau-pulau berdekatan setelah ditangkap dan kemudian dijual di pelabuhan Makassar. Selain itu, terdapat juga hamba berhutang dan jenis-jenis hamba yang lain.

### ***Ade' Pitu/Arung Pitu/ Dewan Hadat dan Golongan Pentadbir***

Pemerintahan sesebuah kerajaan tidak dapat dijalankan dengan jayanya tanpa peranan pembesar atau golongan pentadbiran. Hal yang sama turut berlaku dalam pemerintahan Kerajaan Bone. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, sebuah badan yang dianggotai oleh pembesar utama dalam pentadbiran Kerajaan Bone dikenali sebagai Dewan Hadat.<sup>47</sup> Dewan Hadat juga dikenali sebagai *Ade' Pitu* atau *Arung Pitu*<sup>48</sup> bermaksud tujuh pemerintah. Dewan Hadat yang berfungsi sebagai Majlis Penasihat Diraja ini telah diwujudkan sejak pemerintah Bone yang pertama lagi iaitu *Tomanurung ri Matajang*. Pada masa pembentukan awalnya, raja turut menjadi anggota Dewan Hadat bersama tujuh orang pemimpin wilayah asal atau *wanua* yang membentuk kerajaan Bone (Ujung, Tibojong, Pongeng, Tanette ri-Awang, Tanette ri-Attang, Ta dan Macege) dan mereka bergelar *Matoa/Matowa*. Mereka lah pada asalnya yang melantik *Tomanurung ri Matajang* sebagai pemerintah mereka. Mereka kemudian membentuk konfederasi yang dikenali sebagai *kawerrang*. *Kawerrang* akhirnya berkembang menjadi asas kepada Kerajaan Bone semasa era pemerintahan Raja Bone yang kedua iaitu Lumassa Petta Panre Bessi.<sup>49</sup> Semasa pemerintahan Raja Bone kesepuluh iaitu We Tenritappu, kedudukan tujuh *matoa/matowa* telah diangkat kepada *Arung*.<sup>50</sup> Peningkatan status *matoa* turut mengukuhkan kedudukan *Ade' Pitu* yang akhirnya telah meletakkannya sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab menasihati raja dalam semua perkara berkaitan pemerintahan sama ada yang berkaitan hal ehwal politik dalaman atau dasar luar kerajaan Bone.

Semua anggota Dewan Hadat kecuali *Tomarilalang* mempunyai seorang wakil yang bergelar *suliwatang* dan seorang *mado*.<sup>51</sup> *Suliwatang* menggantikan anggota dewan sekiranya anggota tersebut tidak dapat hadir. Manakala *mado* pula menggantikan *suliwatang* jika hal yang sama berlaku kepada *suliwatang*.<sup>52</sup> Sekiranya terdapat anggota yang meninggal dunia, penggantinya dipilih daripada keturunan yang sama. James Brooke mengatakan bahawa Dewan Hadat merupakan “*a self-elective body*.”<sup>53</sup> Brooke turut menyatakan kekaguman beliau terhadap sistem pemilihan raja dalam Kerajaan Bone yang beliau nyatakan sebagai “... *a development of public voice and limited the authority of the sovereign*.”<sup>54</sup> Menurut beliau sistem tersebut menyerupai sistem yang wujud di Venice iaitu dalam “*entrusting the powers of government to a council of seven*.”<sup>55</sup> Shahbandar dan kadi tidak menjadi anggota Dewan Hadat. Shahbandar

menjadi rujukan Raja Bone dalam hal ehwal perniagaan dan perdagangan, manakala nasihat berkaitan hal ehwal agama Islam didapati daripada kadi.

Hubungan di antara raja dengan golongan pembesar dalam Kerajaan Bone digariskan dalam 'Adat Bone'. Raja mestilah meminta nasihat daripada Dewan Hadat dalam aspek pemerintahan. Masyarakat Bone percaya kerajaan akan ditimpa bala sekiranya raja tidak merujuk kepada para pembesar. Malah hubungan di antara raja dan pembesar adalah saling memerlukan sehingga jika raja atau *Arumpone* lupa, para pembesar mestilah mengingatkan baginda. Begitu juga sebaliknya, pembesar juga mempunyai hak untuk menegur raja sekiranya baginda melakukan sesuatu kesalahan terhadap para pembesar atau rakyat baginda.<sup>56</sup> Hal ini menunjukkan kedudukan raja di dalam Kerajaan Bone adalah tertakluk kepada adat di dalam pemerintahan. Raja tidak dapat mengatasi Dewan Hadat<sup>57</sup> Namun demikian, terdapat keadaan di mana raja dapat mempengaruhi Dewan Hadat iaitu sekiranya berlakunya perpecahan dalam kalangan anggota dewan tersebut.

*Tomarilalang* adalah jawatan ketua pentadbir yang sangat penting dalam Kerajaan Bone. Jawatan ini dipercayai diwujudkan sejak zaman pemerintah Bone yang ketiga iaitu Lasaliyu Kerampeluwa. Baginda telah melantik sepupu baginda To-Suwalle sebagai *Tomarilalang* kerajaan Bone yang pertama.<sup>58</sup> Jawatan *Tomarilalang Tua* merupakan jawatan yang paling penting. Pembesar yang menjawat jawatan tersebut juga dikenali sebagai *Arung Ujung* dan beliaulah yang mengetuai Dewan Hadat. Pada awal jawatan tersebut diwujudkan, jawatan *Tomarilalang* dan *Arung Ujung* disandang oleh dua orang yang berbeza. Namun hal yang demikian jarang sekali berlaku kerana lazimnya *Arung Ujung* merupakan penyandang jawatan *Tomarilalang*. Menurut Bakkers, *Tomarilalang Tua* berkedudukan sebagai seorang Perdana Menteri dan juga Bendahari Kerajaan Bone.<sup>59</sup> Jawatan *Tomarilalang Muda* atau *Tomarilalang Malolo/Lolo* kemudiannya telah diwujudkan bagi membantu pentadbiran di dalam Kerajaan Bone. Walaupun jawatan *Tomarilalang Tua* dipilih oleh anggota Dewan Hadat,<sup>60</sup> namun tidak jelas sama ada *Tomarilalang Malolo* juga dipilih oleh anggota Dewan Hadat. Ini kerana jawatan tersebut tidaklah sepenting jawatan *Tomarilalang Tua* yang amat berpengaruh dalam pentadbiran Kerajaan Bone. *Tomarilalang Malolo* bertanggungjawab dalam hal ehwal protokol istana dan mengawasi hal ehwal politik di dalam kerajaan dan daerah jajahan.<sup>61</sup> Semasa era pemerintahan Besse Kajuara (1856-1860), Arung Amali disebut sebagai pembesar yang memegang jawatan *Tomarilalang Malolo*.<sup>62</sup> Menurut Bakkers, selepas tahun 1860-an iaitu selepas Kerajaan Bone menjadi vasal kepada Belanda, jawatan *Tomarilalang Tua* dan *Tomarilalang Malolo* dijawat oleh pembesar yang sama.<sup>63</sup>

Sama seperti pemilihan pengganti raja, pemilihan *Tomarilalang* turut dipengaruhi oleh faktor darjah kebangsawanan seseorang. Sejak awal pembentukan Kerajaan Bone, jawatan *Tomarilalang* disandang oleh pembesar yang mempunyai darjah bangsawan yang tinggi. Malah hampir kesemua *Tomarilalang* dalam Kerajaan Bone mempunyai pertalian darah dengan raja yang memerintah. Malah kebanyakan pembesar yang menyandang jawatan tersebut turut merupakan kalangan yang boleh mewarisi takhta Kerajaan Bone.<sup>64</sup> Contohnya *Tomarilalang* Arung Sinri merupakan bapa saudara kepada Arung Pugi dan juga Besse Kajuara. *Tomarilalang* merupakan pembesar yang paling berpengaruh dalam Kerajaan Bone kerana beliau mengetuai badan pentadbiran kerajaan.<sup>65</sup> Semua *anreguru/anrong guru* bertanggungjawab kepada *Tomarilalang*. Brooke dalam kunjungan beliau ke Bone pada tahun 1840 melaporkan bahawa

*Tomarilalang* Arung Sinri merupakan seorang yang amat berpengaruh pada masa tersebut sehingga duta atau wakil kerajaan luar tidak dapat menghadap pemerintah Bone tanpa kebenaran beliau. Malah Brooke melaporkan bahawa semua *anreguru/anrong guru* bertanggungjawab kepada *Tomarilalang*, sedangkan sehingga sebelum dekad kedua abad ke-19, golongan *anreguru anak arung* dilantik secara terus oleh Raja Bone. Oleh itu mereka adalah bertanggungjawab terus kepada Raja Bone. Brooke turut mengatakan bahawa *Tomarilalang* ialah “*the sole medium of communication with the king.*”<sup>66</sup> Malah Brooke sendiri tidak mendapat izin untuk menemui Raja Bone ketika itu walaupun telah mengutuskan beberapa pucuk surat kepada *Tomarilalang*. Brooke turut mengatakan bahawa *Tomarilalang* bukanlah anggota kepada Dewan Hadat tetapi beliau mempunyai peranan sebagai ‘*a balancing power, and the medium of communication between them [Dewan Hadat] and the king.*’<sup>67</sup> Laporan Brooke ini jelas menunjukkan kedudukan *Tomarilalang* amat penting. Hubungan di antara *Tomarilalang* dan Raja Bone sangat rapuh. Biar pun dipilih oleh Dewan Hadat, *Tomarilalang* kadangkala menjadi lebih berkuasa daripada Dewan Hadat terutamanya apabila berlaku perpecahan di dalam dewan tersebut.<sup>68</sup> Bagi Raja Bone, *Tomarilalang* dilihat sebagai pesaing yang paling dibimbangi kerana penyandang jawatan tersebut merupakan pembesar yang mempunyai hak untuk menaiki takhta kerana darjah kebangsawanan beliau yang tinggi.<sup>69</sup>

*Tomarilalang* menjadi sangat berpengaruh sekiranya seseorang Raja Bone lemah. La Mappangara Arung Sinri merupakan salah seorang *Tomarilalang* Kerajaan Bone yang paling berpengaruh. Beliau telah dilantik ke jawatan tersebut semasa era pemerintahan Arung Data atau Sultana Saleha Rabiyyatuddin (1823-1835). Beliau merupakan salah seorang pembesar Kerajaan Bone yang sangat pro-Belanda. Beberapa kali beliau telah berusaha mempengaruhi Sultana Saleha agar tunduk kepada pentadbiran Belanda apabila wujudnya konflik di antara kedua-dua pihak tersebut. Oleh kerana pendirian politik beliau itu, akhirnya beliau telah disingkirkan oleh kelompok pembesar Bone anti Belanda yang diketuai oleh *Punggawa* Kerajaan Bone dan turut disokong oleh Sultana Saleha sendiri. Penyingkiran tersebut menyebabkan beliau terpaksa berundur dari Bone ke Makassar. Namun pada tahun 1835, selepas Arung Panyili menaiki takhta menggantikan Sultana Saleha yang mangkat, Arung Sinri telah kembali ke Bone dan kembali menyandang jawatan *Tomarilalang*. Keupayaan beliau untuk kembali menyandang jawatan tersebut menunjukkan bahawa beliau masih lagi mendapat sokongan anggota Dewan Hadat. Pengaruh beliau sangat kuat dalam Kerajaan Bone semasa era pemerintahan Arung Panyili sehingga berjaya memujuk Arung Panyili menandatangani Perjanjian Bungaya Baru pada tahun 1838.<sup>70</sup>

Bidang ketenteraan merupakan salah satu elemen yang penting dalam pentadbiran Kerajaan Bone. *Punggawa* adalah gelaran yang diberikan kepada ketua tertinggi tentera Kerajaan Bone. Pada asalnya jawatan *Punggawa* bukan merupakan jawatan tetap yang wujud dalam Kerajaan Bone. Jawatan tersebut diwujudkan apabila kerajaan Bone menghadapi peperangan iaitu apabila ‘*bila-bila musug*’ iaitu arahan perang diumumkan oleh Raja Bone. Lazimnya *Punggawa* dipilih daripada keluarga rapat Raja Bone. *Punggawa* dibantu oleh *Panghulu Lompo Jowa* yang bertanggungjawab mengumpulkan semua ketua-ketua jowa/juak. Semua ketua jowa iaitu *anrong-guru panghulu jowa*, *anrong-guru jowa sira toe*<sup>71</sup>, *anrong-guru jowa pattampolowe*<sup>72</sup>, kapten perajurit, *dulung* iaitu ketua tentera dari wilayah *palili passeajingeng* bertanggungjawab menggerakkan tentera mereka untuk turut serta dalam peperangan. *Palili passeajingeng* Kerajaan Bone ialah Lamuru, Siebulu, Ajang-ala, Pitampanua, Lili ri-lau, Talloen

limpo ri-awang and Wawa-Bulu ri-awang<sup>73</sup> Semasa pemerintahan Arung Palakka La Tenritatta Torisompe, pentadbiran ketenteraan Kerajaan Bone telah dibahagikan kepada lima divisyen iaitu pasukan Bone Tengah, pasukan Bone Barat, pasukan Bone Timur, pasukan Bone Utara dan pasukan Bone Selatan. Pasukan Bone Tengah di bawah pimpinan *Punggawa*, Pasukan Bone Barat dipimpin oleh *dulung Lamuru*, pasukan Bone Utara dipimpin oleh *dulung Ajangala* dan *dulung Awang Tangka* memimpin pasukan tentera Bone Selatan.<sup>74</sup> Satu lagi jawatan penting semasa situasi perang ialah *tomakka jenang*. Beliau bertanggungjawab menjaga keselamatan istana dan keluarga raja semasa perang. Semasa perang, semua *anak arung* berada di bawah pimpinan *tomakka jenang*.<sup>75</sup>

*Punggawa* bukanlah anggota Dewan Hadat. Tidak jelas bilakah jawatan ini mula diwujudkan. Besar kemungkinan jawatan ini mula diwujudkan pada awal abad ke-16 iaitu pada masa era pemerintahan La Tenrisuki (1508-1535). Pada masa tersebut, Kerajaan Bone telah melancarkan dasar perluasan kuasa secara agresif. Semasa era pemerintahan Arung Palakka La Tenritatta Torisompe, *punggawa* dilantik daripada keturunan Mappayungi.<sup>76</sup> Pada awalnya, biarpun tidak menjadi anggota dewan, pelantikan *punggawa* juga mesti dipersetujui oleh semua anggota Dewan Hadat.<sup>77</sup> Namun demikian, Raja-raja Bone kemudian telah memilih calon sendiri bagi menyandang jawatan tersebut tanpa mendapat persetujuan daripada Dewan Hadat. Keadaan tersebut berlaku disebabkan kelemahan dan perpecahan yang berlaku dalam kalangan Dewan Hadat. Tambahan pula dalam keadaan tertentu, *punggawa* bertindak untuk mengimbangi pengaruh dan kuasa *Tomarilalang* yang dibimbangi oleh Raja-raja Bone. Contohnya Arung Data atau Sultana Saleha telah melantik saudara lelaki baginda sebagai *punggawa*. Hal yang sama dilakukan oleh Arung Pugi (1845-1856) yang melantik saudara baginda sebagai *punggawa*, begitu juga Besse Kajuara (1856-1860) yang melantik bapa saudara sebelah ibunya La Cibu sebagai *punggawa* Kerajaan Bone.

Perkembangan Kerajaan Bone yang semakin pesat pada abad ke-19 memberi peluang kepada pengukuhan kuasa *punggawa* dan *Tomarilalang*. Keadaan tersebut menyebabkan berlakunya persaingan kuasa di antara pembesar-pembesar yang menyandang jawatan-jawatan tersebut. Masing-masing berusaha untuk 'mengalahkan' saingannya dan melemahkan pengaruh musuhnya di dalam Kerajaan Bone. Keadaan ini dapat dilihat dalam persaingan kuasa di antara Arung Lompo iaitu *punggawa* Kerajaan Bone semasa era pemerintahan Arung Data atau Sultana Saleha dengan La Mappangara Arung Sinri, *Tomarilalang* Bone. Semasa pemerintahan Besse Kajuara (1856-1860) *punggawa* kerajaan Bone, La Cibu<sup>78</sup> menjadi pembesar yang lebih berkuasa dan berpengaruh daripada *Tomarilalang*.<sup>79</sup> Pada awalnya, *punggawa* hanya dilantik sewaktu perang. Apabila perang berakhir, *Panghulu Lompo Jowa* memegang jawatan tertinggi dalam hal ehwal keselamatan iaitu seperti jawatan Ketua Polis. Beliau bertanggungjawab menjaga keamanan kerajaan dengan dibantu oleh *jowa*.<sup>80</sup> Menurut Matthes, *Panghulu Jowa/Panghulu Lompo Jowa* disebut oleh penduduk tempatan sebagai tulang kaki kepada raja.<sup>81</sup>

Darjah kebangsawanan masih lagi elemen yang dipentingkan di dalam pelantikan seorang *punggawa* dan *Panghulu Lompo Jowa*. Kepakaran dalam aspek seni mempertahankan diri dan bermain senjata tidak menjadi ukuran utama bagi seseorang untuk dilantik sebagai *Panghulu Lompo Jowa* ataupun *punggawa*. Sebaliknya, penjawat yang menyandang kedua-dua jawatan tersebut dipilih daripada pembesar yang mempunyai darjah kebangsawanan yang tinggi.<sup>82</sup> Pada tahun 1866, La Pawawooi Kraeng Segeri telah dilantik menjadi *Panghulu Lompo Jowa* pada usia

yang sangat muda iaitu 17 tahun. Biar pun beliau bukanlah anak gahara kepada Arung Singkerru Ruka tetapi beliau dianggap daripada keturunan bangsawan tinggi disebabkan keturunan bapa dan pengaruh ibunya yang kuat.<sup>83</sup>

Apabila Kerajaan Bone menerima Islam pada tahun 1611, suatu lagi jawatan yang diwujudkan iaitulah *kadi*. *Kadi* bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam dan dibantu oleh *parewa sara*. *Kadi* menjadi ketua kepada dewan yang berbeza daripada Dewan Hadat. Majlis yang mengendalikan hukum hakam dikenali sebagai '*Parewa Syarak*'. Dewan ini adalah autonomus daripada Dewan Hadat. Dewan ini diketuai oleh seorang *kadi* yang menjadi tempat rujukan mengenai hal ehwal berkaitan agama Islam. Menurut Andi Paloge, jawatan *kadi* telah menggantikan jawatan *Pua Matowa* and *Pua Lolo* yang wujud sebelum Islam. Sebelum kedatangan Islam, jawatan tersebut dijabat oleh *bissu*.<sup>84</sup> Setelah Islam diamalkan oleh Kerajaan Bone, golongan *bissu* kehilangan fungsi di dalam upacara kerajaan yang berasaskan agama Islam. Namun golongan ini masih berpengaruh dalam beberapa upacara adat istiadat istana yang masih mengekalkan upacara pra-Islam seperti upacara membersihkan keris atau peralatan diraja.

*Shahbandar* atau *sabannara* dalam istilah Bugis merupakan satu lagi jawatan penting dalam pentadbiran Kerajaan Bone. Semasa jawatan ini diwujudkan, ia diletakkan di bawah *Pantjenangan*. Pembesar yang menjadi syahbandar bertanggungjawab mengutip pelbagai cukai di pelabuhan untuk raja yang memerintah. Tidak jelas, bilakah jawatan ini mula diwujudkan di Bone. Syahbandar bukan anggota Dewan Hadat. Beliau adalah pembesar pertama yang ditemui oleh utusan kerajaan luar sebelum bertemu dengan *Tomarilalang* dan raja yang memerintah. Bukan hanya mengutip cukai, syahbandar juga bertanggungjawab ke atas aktiviti perdagangan seperti memastikan sistem ukuran dan timbangan dan lain-lain. Oleh kerana syahbandar bukan anggota Dewan Hadat, beliau sentiasa dirujuk oleh Dewan Hadat tentang hal ehwal yang berkaitan dengan perdagangan.<sup>85</sup>

*Utusan* merupakan salah satu lagi jawatan yang penting dalam kerajaan Bone. Utusan dihantar ke wilayah-wilayah jajahan, kerajaan-kerajaan berjiran serta juga kuasa asing yang mempunyai hubungan dengan Kerajaan Bone. Kerajaan Bone juga menerima utusan dari wilayah-wilayah jajahan dan kerajaan-kerajaan berjiran. Utusan penting bagi membawa surat, hadiah dan perintah raja. Utusan yang bertanggungjawab untuk membawa surat dan perutusan diplomatik dikenali sebagai *suruh*. Terdapat 12 orang *suruh* yang bertanggungjawab menghantar perutusan diplomatik. Semua utusan ini diketuai oleh seorang *Jematongang* yang merupakan anggota Dewan Hadat.<sup>86</sup> Jawatan utusan merupakan jawatan warisan.

Dalam kalangan putera dan bangsawan Kerajaan Bone terdapat suatu kelompok putera raja yang mempunyai kedudukan istimewa. Kelompok tersebut ialah *To Malompona To Angke*. Mereka adalah keturunan ketua-ketua Bugis (*To Angke*) yang telah menyertai Arung Palakka La Tenritatta<sup>87</sup> membebaskan Bone daripada kekuasaan Kerajaan Gowa. Keturunan mereka mendapat kedudukan istimewa disebabkan jasa mereka kepada Kerajaan Bone.<sup>88</sup>

Di samping itu terdapat dua lagi jawatan yang penting diwujudkan dalam Kerajaan Bone iaitu *jurubahasa* dan *juritulis*. Kedua-dua jawatan ini penting dalam sesebuah kerajaan terutamanya dalam hubungan diplomatik. Terdapat dua orang jurubahasa dilantik sebagai penterjemah. Kedua-dua jurubahasa ini merupakan penterjemah bahasa Melayu. Ini kerana

bahasa Melayu telah digunakan sebagai *lingua franca* dalam hubungan di antara kerajaan di Kepulauan Melayu malah dalam hubungan di antara kerajaan-kerajaan tempatan dengan kuasa asing. Hal yang sama berlaku di dalam Kerajaan Bone yang mana surat-menyurat menggunakan bahasa Melayu dan bukannya bahasa Bugis mahupun bahasa Makassar. Dalam tradisi surat menyurat Kerajaan Bone, terdapat juga keadaan yang menyaksikan surat-menyurat ditulis dalam bahasa Melayu dengan huruf Arab dan disertakan bahasa Bugis dengan huruf lontara'. Hanya surat-menyurat yang melibatkan hubungan di antara Kerajaan-kerajaan Bugis dengan Kerajaan Bone sahaja menggunakan bahasa Bugis dengan huruf lontara'. Surat dengan raja-raja bukan Bugis serta bangsa Eropah menggunakan bahasa Melayu. Di samping dua orang jurubahasa terdapat dua orang *jurutulis* yang bertanggungjawab menulis surat diraja dalam hubungan diplomatik dan menulis surat peribadi ataupun catatan istana termasuklah salasilah dan diari diraja.<sup>89</sup>

### **Ekonomi**

Kegiatan ekonomi utama dalam kalangan masyarakat Bone ialah pertanian. Padi merupakan tanaman utama di Bone dan wilayah *palilinya*. Bulukumba dan Bantaeng merupakan dua daerah yang subur dengan penanaman padi.<sup>90</sup> Kedua-dua daerah ini pada mulanya merupakan *palili* kepada Kerajaan Gowa. Namun selepas Perang Makassar 1667, kedua-dua daerah tersebut yang dikuasai oleh VOC melalui Perjanjian Bungaya 1667 telah di'pinjamkan' kepada kerajaan Bone sebagai *leenrijk*.

Selain daripada padi, kopi juga ditanam di wilayah Kerajaan Bone terutamanya pada akhir abad ke-18. Daerah utama untuk penanaman kopi ialah di Pasempa dan Sibulu (Awang Tangka). Perdagangan kopi merupakan monopoli raja dan golongan bangsawan. Rakyat menanam dan menjual kopi kepada wakil raja dan bangsawan. Justeru perdagangan dengan pihak luar hanyalah dijalankan oleh golongan bangsawan ataupun wakil mereka. Lazimnya harga yang dibayar kepada penanam kopi adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan harga jualan di pelabuhan Bajoa. Contohnya pada pertengahan abad ke-19, harga kopi di Pasempa dan Sibulu ialah 12-14 guilders sepikul, sedangkan di Bajoa, sepikul kopi dijual dengan harga yang lebih tinggi itu 25-30 guilders sepikul.<sup>91</sup> Kapas<sup>92</sup> dan tembakau turut ditanam di wilayah Kerajaan Bone. Kapas ditanam untuk memenuhi permintaan bagi aktiviti penenunan kain. Kain sarong Bugis merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh wanita-wanita Bugis. Sementara tembakau ditanam untuk kegunaan sendiri dan pasaran tempatan.<sup>93</sup>

Perdagangan merupakan aktiviti ekonomi kedua terpenting dalam kalangan masyarakat Bugis di Bone. Sebelum Perjanjian Bungaya 1667, ramai pedagang Bugis yang terlibat dalam perdagangan rempah dari Kepulauan Maluku. Mereka mengunjungi Maluku untuk mendapatkan rempah yang kemudiannya didagangkan ke pelabuhan Ujung Pandang, Bajoa, Patiro, Palima dan lebih jauh lagi sehingga ke pelabuhan-pelabuhan di Sumba, Jawa dan Bali.<sup>94</sup> Namun demikian selepas Perjanjian Bungaya 1667, mereka tidak lagi dibenarkan mengunjungi Kepulauan Maluku kerana monopoli rempah oleh VOC. Mereka mula mengalihkan haluan ke pelabuhan-pelabuhan di Selat Melaka termasuklah Pulau Pinang dan Singapura.

Selain daripada pertanian dan perdagangan serta menenun, penternakan kuda dan kerbau juga merupakan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Bugis di Bone. Kuda Bone mempunyai baka yang baik dan dijual dengan banyak ke Jawa. Kuda-kuda tersebut digunakan



untuk tentera Belanda di Jawa kerana ianya lebih tinggi jika dibandingkan dengan kuda dari Deli. Kuda Bone seringkali disebut sebagai kuda Makassar<sup>95</sup> walaupun berasal dari Bone kerana kuda-kuda ini dipasarkan daripada pelabuhan Ujung Pandang di Makassar.

### **Kesimpulan**

Sejak penubuhannya, struktur pemerintahan Kerajaan Bone telah berkembang sehingga mewujudkan suatu bentuk pentadbiran yang kukuh dan sistematik. Sehingga tahun 1859-60, Kerajaan Bone telah mempunyai struktur pemerintahan yang mantap. Sejak pemerintah Bone yang pertama iaitu *Tomanurung ri Matajang*, kerajaan Bone telah berkembang menjadi sebuah kerajaan yang kuat. Pemerintah-pemerintah Bone telah memberikan sumbangan dalam pembentukan pelbagai institusi di dalam Kerajaan Bone. Pelbagai kelas pembesar dibentuk bagi melicinkan pemerintahan. Pelantikan pembesar-pembesar lazimnya dilakukan oleh raja yang memerintah. Pelantikan seseorang pembesar amat berkait rapat dengan darjah kebangsawanan seseorang. Begitu juga dengan pelantikan seseorang raja, Kewujudan golongan ramai anak raja yang berhak menaiki takhta seringkali menimbulkan masalah yang kadangkala membawa kepada berlakunya perang saudara dalam kalangan mereka. Perkembangan Kerajaan Bone turut memperlihatkan keupayaan kerajaan tersebut mewujudkan jaringan kuasa dengan negeri-negeri atau wilayah vasal yang dikenali sebagai *palili*. *Palili* bukan hanya penting kepada Kerajaan Bone dalam aspek politik iaitu yang melibatkan kawalan ke atas penduduk atau tenaga manusia tetapi juga memberi faedah daripada segi ekonomi. Kerajaan Bone turut memperlihatkan wujudnya institusi politik yang berfungsi mewujudkan kerangka '*check and balance*' dalam kerajaan iaitu *Ade' Pitu* atau *Dewan Hadat*. Dewan ini dianggotai oleh tujuh orang pembesar dan diketuai oleh *Tomarilalang*. Anggota-anggota dewan mempunyai kuasa dalam pentadbiran dan menentukan hala tuju kerajaan. Dewan Hadat turut berfungsi melantik pengganti raja. Jawatan anggota dewan kecuali jawatan *Tomarilalang* adalah jawatan yang diwarisi oleh keturunan tujuh orang pembesar awal kerajaan Bone iaitu keturunan pemimpin wilayah Ta, Tibojong, Tanette ri-Attang, Tanette ri-Awang, Ujung, Pongeng dan Macege. Kewujudan institusi pentadbiran ini ternyata mengukuhkan pemerintahan Kerajaan Bone pada abad ke-19. Namun pada abad ke-19 beberapa perubahan dalam fungsi jawatan-jawatan tersebut telah berlaku yang mana perubahan tersebut dipengaruhi oleh perkembangan politik semasa di dalam kerajaan Bone dan di Sulawesi Selatan.

---

### Nota

\* **Dr. Salina Zainol** (lina@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM).

\*\* **Dr. Azharudin Mohamed Dali** (azharud@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM).

\*\*\* **Dr. Mardiana Nordin** (mardiana@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM).

<sup>1</sup> Kerajaan tradisional di Kepulauan Melayu amat bergantung kepada tenaga manusia terutama untuk tujuan pertanian dan peperangan. Oleh itu sumber manusia merupakan elemen politik dan ekonomi yang amat penting.

Malah kekuasaan seseorang raja bukan hanya diukur daripada kedaulatan, kekayaan dan kawasan geografi tetapi juga bilangan rakyatnya. Begitu juga pembesar, turut diukur dari segi bilangan pengikutnya.

<sup>2</sup> Andi Palloge Petta Nabba, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, Sulawesi Selatan: Yayasan Al Muallim, 2006, hlm. 52-53.

<sup>3</sup> L. van Vuuren, *Het Gouvernement Celebes, Proeve Eener Monographie*, Hoofd Enc. Bureau, tiada tempat, 1920, hlm. 470.

<sup>4</sup> Mattulada, *LATO A Suatu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*, Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 1985, hlm. 67.

<sup>5</sup> Abd Latif, "Birokrasi Kerajaan Bone pada abad XVII," Makalah Terakhir, Program Studi Sejarah, Fakultas Pasca Sarjana, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, 21 Disember 1994, hlm. 14.

<sup>6</sup> Mattulada, *LATO A Suatu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*, hlm. 409.

<sup>7</sup> Willem Ijzereef, "Power and political structure in the kingdom of Bone, 1860-1949", International Workshop on Indonesia Studies No. 2, South Sulawesi: Trade, Society and Belief, Leiden: Royal Institute of Linguistics and Anthropology, 2-6 November, 1987, hlm. 5.

<sup>8</sup> J. A. Bakkers, "Het Leenvorstendom Boni", *Tijdschrift voor Indische Taal-, Land en Volkenkunde*, jilid XV, 1866, hlm. 135.

<sup>9</sup> Ibid., hlm. 136.

<sup>10</sup> Ibid., hlm. 135-136.

<sup>11</sup> Ibid., hlm. 135.

<sup>12</sup> Andi Paloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 65.

<sup>13</sup> Ibid., hlm. 84.

<sup>14</sup> Abdul Razak Daeng Patunru, et. al., eds., *Sejarah Bone*, Ujung Pandang: Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan, 1989, hlm. 54.

<sup>15</sup> Staden ten Brink, *Zuid-celebes: Bijdragen Tot De Krijgsgeschiedenis En Militaire Geographie Van De Zuidelijke Landtong Van Het Eiland Celebes*, Utrecht: Kemink & Zoon, 1884, hlm. 98.

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Abd Latif, 'Birokrasi Kerajaan Bone pada abad XVII', hlm. 14.

<sup>18</sup> Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 64.

<sup>19</sup> Abdul Razak Daeng Patunru, et. al., eds., *Sejarah Bone*, hlm. 25.

<sup>20</sup> Abdul Razak Daeng Patunru, et. al, eds, *Sejarah Bone*, hlm. 25; Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 65.

<sup>21</sup> Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 66.

<sup>22</sup> Ibid., hlm. 71.

<sup>23</sup> Untuk keterangan lebih mendalam sila lihat Thongchai Winichakul, *Siam Mapped: A History of the Geo-Body of a Nation*, Hawaii: University of Hawaii Press, 1997. Lihat juga konsep sempadan Melayu yang dibincangkan di dalam, 'Kumpulan Kertas Kajian Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah: Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu' (prosiding), Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2004.

<sup>24</sup> J. A. Bakkers, "Het Leenvorstendom Boni", hlm. 69; Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 54-55.

<sup>25</sup> Abdul Latif, "Birokrasi Kerajaan Bone," hlm. 28.

<sup>26</sup> Mattulada, *LATO A Suatu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*, hlm. 526.

<sup>27</sup> Ibid., hlm. 528.

<sup>28</sup> Ibid., hlm. 529.

<sup>29</sup> Ade' Pitu juga seringkali disebut di dalam beberapa tulisan sebagai Arung Pitu atau Dewan Hadat Bone.

<sup>30</sup> Rodney Mundy, *Narrative of Events in Borneo and Celebes, down to the Occupation of Labuan*, Vol. II, London: John Murray, Albermarle Street, 1848, hlm. 41.

<sup>31</sup> Mattulada, *LATO A, Antropologi Politik Orang Bugis*, Yogyakarta: Penerbit Ombak, tahun, hlm. 534.

- <sup>32</sup> Istilah Dewan Hadat akan digunakan di dalam tulisan ini.
- <sup>33</sup> ‘Anak matola’ adalah putera dan puteri raja daripada isteri gahara, manakala ‘anak cera’ adalah putera dan puteri raja daripada isteri-isteri kebanyakan. Oleh itu ‘anak cera’ dianggap mempunyai darjah kebagsawanan yang lebih rendah daripada ‘anak matola’. Disebabkan kedudukan tersebut mereka tidak layak untuk menaiki takhta tetapi mereka boleh menjawat jawatan-jawatan lain dalam kerajaan Bone.
- <sup>34</sup> Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 62.
- <sup>35</sup> Ibid., hlm. 62 dan 320.
- <sup>36</sup> Ibid., hlm. 62.
- <sup>37</sup> Mattulada, *LATO A, Antropologi Politik Orang Bugis*, hlm. 534.
- <sup>38</sup> Juga disebut sebagai *anrong guru*.
- <sup>39</sup> Mattulada, *LATO A Suatu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*, hlm. 197.
- <sup>40</sup> Ibid.
- <sup>41</sup> Ibid., hlm. 253.
- <sup>42</sup> Ibid., hlm. 275.
- <sup>43</sup> Matthes, “Matthes over de Adat van Zuid-Selebes (1885)”, *Adatrechtbundels, Serie P, Zuid-Selebes*, No. 52, ‘s-Gravenhage: Martinus Nijhoff, 1929, hlm. 248.
- <sup>44</sup> Ibid.
- <sup>45</sup> Ibid.
- <sup>46</sup> Ibid., hlm. 248-249.
- <sup>47</sup> Istilah ini digunakan di dalam rekod Belanda.
- <sup>48</sup> Arung di dalam bahasa Bugis bermaksud putera atau pemerintah dan pitu pula bermaksud tujuh. Oleh itu Arung Pitu bermaksud “Tujuh Pemerintah”.
- <sup>49</sup> Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 54-55.
- <sup>50</sup> Abdul Razak Daeng Patunru, et. al., eds, *Sejarah Bone*, hlm. 102; Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 98.
- <sup>51</sup> Bakkers, “Leenvorstendom Boni”, hlm. 71.
- <sup>52</sup> Ibid., hlm. 72.
- <sup>53</sup> Rodney Mundy, *Narrative of Events in Borneo and Celebes, down to the Occupation of Labuan from the Journals of James Brooke*, vol. 2, London: John Murray, Albermarle Street, 1848, hlm. 40.
- <sup>54</sup> Ibid., hlm 42.
- <sup>55</sup> Ibid.
- <sup>56</sup> Leonard Y. Andaya, “The Nature of Kingship in Bone”, dalam Anthony Reid and Lance Castles, *Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia*, Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur: MBRAS, 1975, hlm. 119.
- <sup>57</sup> Ibid.
- <sup>58</sup> Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 62.
- <sup>59</sup> Bakkers, “Leenvorstendom Boni”, hlm. 70; Rodney Mundy, *Narrative of Events in Borneo and Celebes, down to the Occupation of Labuan from the Journals of James Brooke*, hlm. 40.
- <sup>60</sup> Bakkers, “Leenvorstendom Boni”, hlm. 69.
- <sup>61</sup> Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 321.
- <sup>62</sup> Abdul Razak Daeng Patunru, et. al., eds, *Sejarah Bone*, hlm. 257.
- <sup>63</sup> Bakkers, “Leenvorstendom Boni”, hlm. 70.
- <sup>64</sup> Di dalam Kerajaan Bone, sama seperti kerajaan tempatan yang lain di Kepulauan Melayu, perebutan takhta sering berlaku dalam kalangan anak-anak raja. Lazimnya terdapat ramai anak raja yang berhak untuk menaiki takhta berdasarkan darjah kebangsawanan. Perebutan takhta dalam kalangan mereka seringkali membawa kepada berlakunya perang. Calon yang memenangi perang tersebut lazimnya ditabalkan menjadi raja yang memerintah. La

Mappangara Arung Sinri, *Tomarilalang Kerajaan Bone (1825-1851)* juga berketurunan diraja yang melayakkan beliau menjadi Raja Bone. Namun disebabkan beliau tidak mendapat dokongan daripada anggota Dewan Hadat, maka beliau tidak dipilih menjadi Raja Bone menggantikan Arung Panyili pada tahun 1847.

<sup>65</sup> Bakkers, “Leenvorstendom Boni”, hlm 70. Menurut Bakkers, *Tomarilalang* ialah “hij is the eerste staatsdienaar van het rijk, het werktuig waardoor het geheele Bonische bestuur in beweging gebragt wordt, en die daarop alzo eenen grooten invloed ten goede of ten kwade kan uitoefenen.”

<sup>66</sup> Rodney Mundy, *Narrative of Events in Borneo and Celebes*, hlm. 40.

<sup>67</sup> *Ibid.*, hlm. 46-47.

<sup>68</sup> *Ibid.*, hlm. 40.

<sup>69</sup> Darjah kebangsawan yang tinggi merujuk kepada keturunan diraja yang mempunyai hubungan pertalian dengan keturunan Tomanurung ri-Matajang dan juga keturunan Arung Palakka La Tenritatta Torisompe.

<sup>70</sup> Kerajaan Bone semasa era pemerintahan Sultana Saleha tidak menandatangani Perjanjian Bungaya Baru di Makassar pada bulan Ogos 1824 disebabkan oleh keengganan pihak Belanda memenuhi beberapa permintaan Kerajaan Bone. Hanya pada 13 Ogos 1838, Kerajaan Bone bersetuju menandatangani perjanjian tersebut.

<sup>71</sup> Ketua kepada 100 orang jowa/juak atau perajurit.

<sup>72</sup> Ketua kepada 40 orang jowa/juak atau perajurit.

<sup>73</sup> Bakkers, “Leenvorstendom Boni”, hlm. 74-75.

<sup>74</sup> Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 322.

<sup>75</sup> *Ibid.*

<sup>76</sup> Baginda ialah La Tenrisuki, Raja Kerajaan Bone yang kelima. Ibu baginda ialah We Benrigau Raja Kerajaan Bone yang ketiga, sementara bapa baginda ialah La Tenribali, Arung Kayu. Baginda dikenali sebagai Mappanyungi kerana baginda telah berjaya mengalahkan Luwu dan merampas payung kebesaran diraja dari Luwu. Kemenangan baginda sangat penting kerana pada masa tersebut, Luwu merupakan sebuah kerajaan yang kuat di Sulawesi Selatan. Peperangan tersebut ditamatkan dengan sebuah perjanjian yang dikenali sebagai “Polo Malela ri Unnyi”. Lihat Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 69-71. Baginda memerintah Kerajaan Bone pada jangkamasa lebih kurang 1508-1535 M. Baginda juga adalah saudara lelaki kepada Arung Data.

<sup>77</sup> Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 322.

<sup>78</sup> La Cibu adalah bapa saudara sebelah ibu Besse Kajuara. Beliau merupakan pemerintah Sawito, sebuah kerajaan kecil di dalam persekutuan Ajatappareng. Beliau telah dilantik sebagai *Punggawa* Kerajaan Bone oleh Besse Kajuara. Sejak itu beliau tidak kembali ke Sawito. Pemerintahan Sawito dijalankan oleh sebuah majlis pembesar. Semasa pihak Belanda menyerang Bone pada tahun 1859, beliau telah dihalau oleh Belanda dan pihak Belanda juga telah menyingkirkan beliau sebagai Datu Sawito. Lihat P.B. van Staden ten Brink, *Zuid-Celebes, Bijdragen tot de Krijgsgeschiedenis en Militaire Geographie van der Zuidelijke landtong van het eiland Celebes*, Utrecht: Kemink & Zoon, 1884, hlm. 87.

<sup>79</sup> Abdul Razak Daeng Patunru, et. al., eds, *Sejarah Bone*, hlm. 257.

<sup>80</sup> Bakkers “Leenvorstendom Boni”, hlm. 76.

<sup>81</sup> Matthes, “Over de Adat van Zuid-Selebes (1885),” hlm. 248.

<sup>82</sup> *Ibid.*, hlm. 74-75.

<sup>83</sup> *Ibid.*, hlm. 76.

<sup>84</sup> *Bissu* ialah golongan pembesar adat berjantina lelaki tetapi berperwatakan perempuan apabila menjalankan upacara adat. Mereka mempunyai peranan penting dalam adat istiadat Kerajaan Bone sebelum kedatangan Islam. Mereka mengetuai upacara-upacara kerajaan. Mereka tinggal dalam kalangan mereka di tempat tinggal yang dikhususkan untuk mereka. Kedudukan dan peranan mereka diwarisi secara keturunan. Mereka dianggap mempunyai kuasa dan kemampuan untuk berinteraksi dengan dunia ghaib bagi mendapatkan panduan suci. Namun peranan mereka menjadi semakin merosot selepas Islam bertapak di Bone sejak tahun 1611. Lihat Andi Palloge, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, hlm. 323.

<sup>85</sup> Bakkers, “Leenvorstendom Boni”, hlm. 61.

<sup>86</sup> Ibid., hlm. 72. Jematongang menjadi anggota Dewan Hadat mungkin pada akhir abad ke 18 ataupun awal abad 19

<sup>87</sup> Baginda juga dikenali sebagai Torisompe dan Matinroe-ri- Bontoala.

<sup>88</sup> Ibid., hlm. 73

<sup>89</sup> Ibid., hlm. 74.

<sup>90</sup> Bakkers, “Het Leenvostendom Boni”, hlm. 32.

<sup>91</sup> Ibid., hlm. 33.

<sup>92</sup> Ibid., hlm. 32

<sup>93</sup> Ibid., hlm. 33

<sup>94</sup> Roomaker, “Oude en Nieuwe Toestanden in het voormalige vorstendom Bone”, *De Indische Gids*, Vol. I, 1924, hlm. 524.

<sup>95</sup> Ibid.

## Rujukan

Abdul Razak Daeng Patunru, et. al., eds, *Sejarah Bone*, Ujung Pandang: Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan, 1989.

Abd Latif, “Birokrasi Kerajaan Bone pada abad XVII,” Makalah Terakhir, Program Studi Sejarah, Fakultas Pasca Sarjana, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta 21 Disember 1994.

Andaya, Leonard Y., “ The Nature of Kingship in Bone”, dalam Anthony Reid and Lance Castles, *Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia*, Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur: MBRAS, 1975.

Andi Palloge Petta Nabba, *Sejarah Kerajaan Tanah Bone*, Sulawesi Selatan: Yayasan Al Muallim, 2006.

Bakkers, J.A., “Het Leenvostendom Boni”, *Tijdschrift voor Inlandsche Taal-, Land en Volkenkunde*, Vol. XV, 1866.

Ijzereef, Willem, “Power and political structure in the kingdom of Bone, 1860-1949”, International Workshop on Indonesia Studies No. 2, South Sulawesi: Trade, Society and Belief, Leiden: Royal Institute of Linguistics and Anthropology, 2-6 November, 1987.

Mattulada, *LATOA Suatu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*, Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 1985.

Matthes, “Matthes over de Adat van Zuid-Selebes (1885)”, *Adatrechtbundels, Serie P, Zuid-Selebes*, No. 52, ‘s-Gravenhage; Martinus Nijhoff, 1929.

Mundy, Rodney, *Narrative of Events in Borneo and Celebes, down to the Occupation of Labuan from the Journals of James Brooke*, vol. 2, London: John Murray, Albermarle Street, 1848.

van Vuuren. L., *Het Gouvernement Celebes, Proeve Eener Monographie*, Hoofd Enc. Bureau, tiada tempat, 1920.

Roomaker, “Oude en Nieuwe Toestanden in het voormalige vorstendom Bone”, *De Indische Gids*, Vol. I, 1924.

Staden ten Brink, P.B., *Zuid-Celebes, Bijdragen tot de Krijgsgeschiedenis en Militaire Geographie van der Zuidelijke landtong van het eiland Celebes*, Utrecht: Kemink & Zoon, 1884.

Thongchai Winichakul, *Siam Mapped: A History of the Geo-Body of a Nation*, Hawaii: University of Hawaii Press, 1997